



AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN (AADK)  
KEMENTERIAN DALAM NEGERI

**KENYATAAN MEDIA**

**UNTUK SIARAN SEGERA**

**SAMBUTAN PERINGATAN HARI ANTIDADAH KEBANGSAAN  
PERINGKAT NEGERI MELAKA TAHUN 2022**

Sambutan Peringatan Hari Antidadah Kebangsaan (HADK) 2022 terus disemarakkan dan diraikan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) di seluruh negara. Kali ini, sambutan itu diadakan di Melaka sekali gus menunjukkan kesungguhan Keluarga Melaka untuk memerangi gejala dadah daripada terus berleluasa.

Pelbagai program dianjurkan sempena sambutan HADK 2022 yang mengetengahkan tema Lebih Baik Cegah termasuk menyampaikan kempen antidadah, khidmat nasihat dan bimbingan kaunseling, pameran dan jualan produk yang dihasilkan klien AADK yang diadakan di Pekarangan Pasar Raya Mydin MITC, Melaka.

Trend terkini penagihan dan penyalahgunaan dadah telah berubah daripada penggunaan dadah tradisional kepada penggunaan dadah sintetik (tiruan) dalam bentuk syabu, pil kuda dan ekstasi. Ini kerana, hampir 60 peratus klien AADK yang dikesan merupakan penyalahguna dadah sintetik. Situasi sedemikian berlaku ekoran dadah sintetik bukan sahaja mudah didapati dalam pasaran, malah dijual pada harga lebih murah dan boleh dihasilkan sendiri.

Sejajar dengan matlamat Agensi iaitu Dadah Terkawal 2025, usaha mengurangkan kadar penyalahguna dadah dan meningkatkan kadar kepulihan klien menjadi keutamaan. Merujuk kepada statistik penagihan dadah di Malaysia pada tahun 2021 (sehingga September) mencatatkan seramai 114,219 orang telah dikenal pasti sebagai penyalahguna dadah. Daripada jumlah itu, seramai 5,000 orang adalah penyalahguna dadah yang dikesan di Melaka. Ini menunjukkan bahawa daripada 100,000 orang penduduk di Melaka, terdapat 533 orang penyalahguna dan penagih dadah serta bahan di negeri berkenaan.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri Melaka melalui AADK terus komited untuk memerangi gejala dadah dengan memberi penekanan kepada anggota masyarakat berkaitan peranan dan tanggungjawab masing-masing bagi memastikan Melaka bebas daripada ancaman dadah.

*Lebih Baik Cegah*

**#DadahTerkawal2025**



[WWW.ADK.GOV.MY](http://WWW.ADK.GOV.MY)



[AGENSANTIDADAHKEBANGSAANMALAYSIA](https://www.facebook.com/AGENSANTIDADAHKEBANGSAANMALAYSIA)



[AADK.MALAYSIA](https://www.instagram.com/AADK.MALAYSIA)



[AADKMALAYSIA](https://twitter.com/AADKMALAYSIA)



[MRAADK](https://www.youtube.com/MRAADK)

HOTLINE AADK

03-8911 2233

019 626 2233

Kerajaan Negeri Melaka turut menyasarkan penurunan sebanyak 30 peratus jumlah penyalahguna serta penagih dadah menjelang Tahun 2025. Inisiatif ini turut melibatkan usaha Penghijauan 10 Kawasan Berisiko Tinggi (KBT) di Melaka menjelang 2025.

AADK mengenalpasti 10 KBT iaitu Krubong; Peringgit; Batu Berendam; Tanjung Kling; Malim; Pernu; Masjid Tanah; Kuala Linggi; Kuala Sungai Baru dan Durian Tunggal. Program Penghijauan KBT penagihan dadah ini telah dimulakan sejak 2021 yang mana KBT Krubong telah berjaya dihijaukan. Pada tahun ini, AADK menyasarkan penghijauan di KBT Masjid Tanah.

Melalui usaha kolaboratif yang digerakkan secara bersepadu melibatkan semua pihak ini diyakini penularan penyalahgunaan dan penagihan dadah dalam komuniti dapat dibendung seterusnya sasaran Dadah Terkawal Tahun 2025 dapat dicapai. Semoga usaha jitu semua pihak akan menjadikan Melaka lebih berharga tanpa dadah.

**-TAMAT-**

**YB DR. MUHAMAD AKMAL BIN SALEH  
EXCO KESIHATAN DAN ANTIDADAH  
NEGERI MELAKA**

AYER KEROH, MELAKA  
12 MAC 2022  
Bil 3/ 2022

*Lebih Baik Cegah*  
**#DadahTerkawal2025**